

09/01/2003

Amerika dijangka terus tekan Iraq

KUALA LUMPUR: Tindakan agresif Amerika Syarikat (AS) terhadap Iraq akan berterusan selagi AS berpendapat ia dalam kedudukan baik untuk menguasai minyak di Teluk Parsi, sekali gus menguasai semua negara dari segi ekonomi.

Menteri Industri dan Galian Iraq, Muyassar Rija Shlah, berkata AS dan sekutunya terutama Britain akan memberi tekanan terhadap Iraq dari semua segi untuk mencapai matlamat berkenaan.

"Kami yakin tumpuan terhadap Iraq dan tidak kepada negara lain yang sudah mengakui mempunyai kegiatan berkaitan kuasa atom adalah disebabkan faktor berkenaan," katanya.

Faktor lain yang disebut Muyassar yang menyumbang kepada keganasan berterusan AS terhadap negaranya ialah kerana Iraq selalu memberi pandangan yang bebas, pendirian negara itu terhadap isu Palestin, hakikat bahawa Iraq adalah anggota aktif Pergerakan Negara-negara Berkecuali dan statusnya sebagai sebuah negara Islam.

"AS bersikap demikian terhadap Iraq (mengancam dan memberi tekanan) walaupun ia tidak mempunyai sebarang bukti untuk menyokong dakwaannya bahawa Iraq mempunyai senjata pemusnah massa.

"Iraq juga sudah berulang kali menyatakan bahawa ia tidak memiliki senjata itu," katanya dalam satu temu bual di Palace of The Golden Horses, di sini semalam.

Muyassar, yang mengetuai Suruhanjaya Bersama Iraq-Malaysia, berada di sini untuk menghadiri mesyuarat ketujuh suruhanjaya itu yang berlangsung selama tiga hari bermula semalam.

Beliau berkata, pemeriksaan senjata Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) gagal untuk mendapat sebarang bukti walaupun sudah melawat kawasan yang didakwa terbabit dalam kegiatan membangunkan senjata pemusnah massa seperti didakwa Perdana Menteri Britain, Tony Blair dalam laporannya.

"Mereka juga melawat kawasan yang disebut dalam laporan CIA dan perisik British," katanya.

Pemeriksa senjata PBB itu dijadual melaporkan kepada Majlis Keselamatan badan antarabangsa itu semalam dan membentangkan penilaiannya terhadap pematuhan Iraq terhadap resolusi majlis itu pada 27 Januari.

Sejak pemeriksaan itu kembali ke Iraq November lalu tidak seorang pun ketua pemeriksaan berkenaan melaporkan sebarang bukti yang menunjukkan negara Arab itu mempunyai program persenjataan yang haram.

Muyassar berkata, Presiden Iraq Saddam Hussein sudah menulis surat kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjelaskan situasi semasa di Iraq dan urusan negara itu dengan Majlis Tertinggi.

"Saya akan menyerahkan surat itu kepada Dr Mahathir sebelum saya berlepas pulang," katanya.

Isnin lalu, Saddam berkata, negaranya bersedia untuk berperang. Beliau juga menuduh pemeriksaan senjata PBB terbabit dalam kegiatan merisik.